

SUMBER ILMU DALAM PENGAMALAN TASAWUF

Mohd Faizal, A. K.¹, Mohd Fuad bin Mokhtar², Mohd Ikhwan bin Zolkapli³,
Ahmad Husni bin Hasan⁴, Mohd Arif bin Jusoh⁵

^{1,2,3}(Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia)

⁴(Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia)

⁵(Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia)

ABSTRACT:

Artikel ini adalah kajian konseptual berasaskan kepada metode analisis induktif dan deduktif bagi merumuskan sumber ilmu dalam pengamalan tasawuf. Kajian ini berasaskan kepada sumber-sumber perpustakaan di samping sumber temuramah. Ia bermula dengan pendahuluan yang membahaskan tentang latar belakang kajian, objektif dan beberapa isu berkaitan topik ini. Seterusnya diikuti dengan sumber-sumber yang menjadi dasar kepada pengamalan tasawuf. Kajian ini merumuskan beberapa sumber yang digunakan oleh pengamal tasawuf dan sebahagian sumber yang perlu diperhalusi dari sudut penerimaannya berasaskan kepada ketetapan syarak.

KEYWORDS – tasawuf, sumber, kashaf, mimpi, shatahat

I. PENDAHULUAN

Sumber ilmu menjadi suatu perbahasan para sarjana sejak sekian lama. Popper (1961) menjelaskan kewujudan beberapa aliran falsafah yang saling bertentangan dalam mengenengahkan isu berkaitan sumber ilmu, antaranya aliran British yang bertentangan dengan aliran pemikiran Continental dan aliran emperikal klasik yang dipelopori oleh Bacon, Locke, Berkeley, Hume, dan Mill dengan aliran rasionalis klasik yang diterajui oleh Descartes, Spinoza, dan Leibniz. Robert Audi (2012) menyenaraikan apa yang disebut sebagai “*four standard basic sources*” iaitu *perception, memory, consciousness, dan reason*.

Dalam tradisi pengajian Islam, sumber ilmu merupakan sebahagian daripada elemen penting dalam pembentukan sesuatu disiplin ilmu. Al-Sabban (1938, h. 35) menyenaraikannya sebagai sebahagian daripada sepuluh prinsip ilmu yang wajar diberikan penekanan. Dalam setiap cabang ilmu Islam pula para sarjana menyenaraikan beberapa sumber yang menjadi asas kepada disiplin ilmu tersebut. Perbahasan yang dikemukakan oleh para sarjana Islam antaranya al-Mahjubi (2013), Dr. Abd al-Karim Zaydan (1982, h.) (t.t., h. 411-414) dan Ibn Ajibah (t.t., h. 26) memperlihatkan bahawa sumber ilmu dalam agama Islam meliputi sumber wahyu dan sumber bukan wahyu.

Subtopik berikut akan membahaskan tentang sumber ilmu bagi pegangan dan amalan dalam tasawuf. Ianya dipecahkan kepada beberapa perbahasan yang lebih mendalam.

II. QURAN DAN HADIS

Secara asasnya Quran dan Hadis merupakan sumber utama dalam Islam. Ini didasarkan kepada sabda Nabi s.a.w.:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Aku tinggalkan bagi kamu semua dua perkara. Tiada kamu semua sesat selagi mana kamu semua berpegang dengan kedua-duanya: Kitab Allah dan Sunnah NabiNya. (Hadis, Malik bin Anas, Muwatta).

Pengamalan ahli sufi yang terdahulu begitu mementingkan keselarasannya dengan Quran dan Hadis. Hakikat ini dapat dilihat dalam nukilan Al-Qushayri dalam al-Risalah (t.t., h. 59, 70, 74, 75, 79, 95, 96, 105, 117, 118, 121, 122, 123, 145, 146, 150, 152, 154, dan 160) yang menunjukkan bahawa ahli sufi berpegang dengan Quran dan Hadis dalam setiap sudut kehidupan mereka termasuk dalam aspek akidah, syariat dan kesufian. Dalam aspek kesufian, al-Qushayri meriwayatkan beberapa nukilan antaranya kata-kata yang diriwayatkan daripada Abu Sulayman al-Darani. Beliau telah berkata: “Kadang-kadang jatuh didalam hatiku kata-kata hikmah daripada kata-kata mereka (kaum sufi) selama beberapa hari, akan tetapi aku tidak menerimanya melainkan dengan dua saksi yang adil; Quran dan Sunnah.” (Al-Qushayri, t.t., h. 411). Kata-kata Abu Sulayman ini jelas sekali menunjukkan bahawa beliau cukup teliti dalam menerima kata-kata hikmah yang terlintas dalam fikirannya. Penelitian itu dilakukan dengan menjadikan Quran dan Sunnah sebagai pengukur dalam menilai kata-kata tersebut.

Al-Qushayri juga turut meriwayatkan kata-kata ‘Umar bin Musallamah yang menunjukkan bahawa beliau meneliti setiap perkara yang terlintas dalam fikirannya. Beliau menyatakan: “Barangsiapa yang tidak menimbang perbuatan dan halnya setiap waktu dengan Kitab dan Sunnah dan tidak menapis lintasan fikirannya maka kami tidak mengirannya di kalangan orang-orang yang mulia.” (Al-Qushayri, t.t., h. 107).

Dalam aspek syariat pula, al-Qushayri meriwayatkan beberapa nukilan, antaranya kata-kata yang diriwayatkan dari Ahmad bin Abi al-Hariri. Beliau telah berkata “Barangsiapa yang melakukan perbuatan dengan tidak mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w., maka pekerjaannya adalah terbatal.” (Al-Qushayri, t.t., h. 107). Beliau turut menyatakan kata-kata yang hampir sama: “Sebaik-baik tangisan adalah tangisan seorang hamba ke atas masa-masa yang telah berlalu tanpa mengikut (apa yang didatangkan dalam Sunnah)” (Al-Qushayri, t.t., h. 107)

Dapat disimpulkan bahawa Quran dan Hadis merupakan dua sumber yang mendasari kefahaman, konsep dan pengamalan golongan tasawuf yang terawal. Kedua-dua sumber ini juga merupakan sumber kepada pengamal tasawuf yang hakiki sehingga kini. (Tuan Haji Mohd Isa bin Yahaya, temubual, 27 Oktober 2015, Ustaz Adnan bin Muhammad Saman, temubual, 17 Disember 2015 dan H. Syihabuddin Suhrowardi, 1971, h. 1-3 dan Tajul ‘Ariffin, 2014, h. 3-7).

III. ILHAM

Ilham merupakan kata saduran daripada bahasa Arab yang berasal dari kata dasar lahima yang bermaksud menelan atau meneguk sesuatu (Ibn Manzur, 1990, j. 12, h. 554). Al-Raghib (1997, h. 748) menyatakan makna ilham sebagai “melemparkan sesuatu ke dalam jiwa, ianya khusus dari pihak Allah Taala ataupun malaikat” Al-Jurjani (1938, h. 28) pula memberi pengertian ilham sebagai “sesuatu yang dilemparkan di dalam hati dengan cara limpahan. Dikatakan juga, ilham itu adalah sesuatu yang jatuh di dalam hati yang berbentuk pengetahuan dan ianya mengajak kepada amal tanpa konklusi daripada ayat dan melihat kepada hujah.”

Ibn Manzur (1990, j. 12, h. 555) memberikan definisi ilham sebagai: “Allah melemparkan di dalam jiwa seseorang itu, sesuatu yang membantu melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara, dan ianya adalah sebahagian daripada jenis wahyu” Kamus Dewan turut memberikan makna yang hampir sama dengan takrif di atas bagi kata ilham: “petunjuk daripada tuhan (terbit di hati)...” (Noresah bt. Bahrom, *et. al.*, 2007, h. 447).

Ilham - sebagaimana sumber-sumber lain yang didapati tanpa menggunakan penakulan akal - dapat dideduksikan daripada beberapa hujah:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِنْ عِبَادِنَا آتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِنْ عَيْنِنَا وَعِلْمًا مِنْ لَدُنَّا عَلِيمًا

Maka kedua-duanya mendapati seorang hamba daripada hamba-hamba kami yang kami berikan kepadanya rahmat daripada kami dan kami ajarkan kepadanya daripada sisi Kami pengetahuan.
Surah al-Kahf (18): 65

Al-Fakhr al-Razi (t.t., j. 10, h. 230) ketika membahaskan ayat ini menyatakan dua cara kepada pengetahuan iaitu menggunakan penakulan akal dan mujahadah serta riyadah yang kedua-duanya menghasilkan ilmu. Adapun dengan cara mujahadah dan riyadah, ia merupakan ilmu pemberian daripada Allah tanpa melalui medium penakulan.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

فَدُ كَانَ يَكُونُ فِي الْأُمَّةِ قَبْلَكُمْ مَحْدَثُونَ فَإِنْ يَكُنْ فِي أُمَّتِي أَحَدٌ فَإِنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ مِنْهُمْ

Kemungkinan ada dalam kalangan umat sebelum kamu golongan muhdathun (yang diberikan ilham). Sekiranya ada dalam kalangan umatku seseorang (seperti itu), maka ‘Umar bin al-Khattab adalah daripada mereka. (Hadis, Muslim bin Hajjaj)

Sepertimana dinyatakan dalam perbincangan di atas, Quran dan Hadis perlu dijadikan panduan dalam menerima apa-apa jua yang datang dalam ilham. Para ahli sufi diriwayatkan cukup teliti dalam menerima kata-kata hikmah yang terlintas dalam fikirannya. Penelitian itu dilakukan dengan menjadikan Quran dan Sunnah sebagai pengukur dalam menilai kata-kata tersebut. Antaranya diriwayatkan daripada Abu Sulayman al-Darani. Beliau telah berkata: “Kadang-kadang jatuh didalam hatiku kata-kata hikmah daripada kata-kata mereka (kaum sufi) selama beberapa hari, akan tetapi aku tidak menerimanya melainkan dengan dua saksi yang adil; Quran dan Sunnah.” (Al-Qushayri, t.t., h. 411).

Begitu juga kata-kata ‘Umar bin Musallamah yang menunjukkan bahawa beliau menilai apa yang terlintas dalam fikirannya berasaskan kepada Quran dan Hadis: “Barangsiapa yang tidak menimbang perbuatan dan halnya setiap waktu dengan Kitab dan Sunnah dan tidak menapis lintasan fikirannya maka kami tidak menghiranya di kalangan orang-orang yang mulia.” (Al-Qushayri, t.t., h. 107).

Hakikat ini dinyatakan juga oleh Abu al-Hassan al-Shadhili: Apabila kashafmu bertentangan dengan Kitab dan Sunnah maka berpeganglah dengan Kitab dan Sunnah dan tinggalkan kashaf. Katakan kepada dirimu: Sesungguhnya Allah Taala menjamin penjagaan bagiku dengan apa yang ada dalam Kitab dan Sunnah dan Dia tidak menjaminkannya dengan apa yang ada pada kashaf dan ilham. (Basri bin Ibrahim *et. al.*, 2013, h. 321). Sehubungan dengan itu, ilham adalah merupakan perkara yang diperakui kewujudannya dan diterima sebagai sandaran dalam amalan tasawuf. Namun begitu ilham bukan diletakkan sebagai sumber utama dalam amalan tasawuf. Sehubungan dengan itu, seorang pengamal tasawuf tidak boleh mengutamakan ilham apabila bercanggah dengan syariat.

IV. KASYAF

Kamus Dewan menyatakan berkenaan kasyaf: “Ar (bkn ahli sufi) penyingkapan rahsia alam ghaib melalui pandangan mata hati; mengkasyaf membuka hati: zikir lailaha illallah itu ~ kalbunya” . Al-Kashf merupakan perkataan bahasa Arab dari kata dasarnya kashafa. (<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kasyaf>). Al-Jurjani (1938, h. 162) memberikan makna pada bahasa bagi perkataan al-Kashf sebagai “terangkatnya hijab” Pada istilah pula adalah “penerokaan terhadap perkara di belakang tabir iaitu pengertian-pengertian ghaib dan perkara-perkara hakikat secara wujud dan dengan musyahadah” .

Al-kashf mempunyai persamaan dengan ilham dari beberapa sudut khususnya keyakinan yang didapati tanpa pembelajaran. Oleh itu, perbincangan berkenaan al-kashf dapat difahami daripada perbincangan berkenaan ilham. Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa al-kashf adalah merupakan perkara yang diperakui kewujudannya dan ia adalah sebahagian daripada pengamalan tarekat.

V. MIMPI

Mimpi ialah sesuatu yang terlihat atau dialami dalam tidur (Noresah bt. Bahrom, *et. al.*, 2007, h. 1033). Justeru ia merupakan suatu realiti yang berlaku kepada manusia walaupun kandungan mimpi itu masih terdedah kepada kebenaran atau kebatilan. Quran mengungkap tentang mimpi yang dilalui oleh manusia biasa yang boleh ditafsir dan ditakbirkan:

Dan masuklah bersama-samanya ke penjara dua orang khadam raja. Salah seorang di antaranya (bertanya kepada Yusuf dengan) berkata: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur “. Dan berkata pula yang seorang lagi: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku menjunjung roti atas kepalaku, yang sebahagiannya dimakan oleh burung.” (kemudian keduanya berkata): “Terangkanlah kepada kami akan takbirnya. Sesungguhnya kami memandangkanmu: dari orang-orang yang berbuat kebaikan (untuk umum)”. Yusuf menjawab: “(Aku bukan sahaja dapat menerangkan takbir mimpi kamu itu, bahkan) tidak datang kepada kamu sesuatu makanan yang diberikan kepada kamu (tiap-tiap hari dalam penjara), melainkan aku juga dapat memberitahu kepada kamu akan nama dan jenisnya, sebelum ia dibawa kepada kamu. Yang demikian itu ialah sebahagian dari apa yang diajarkan kepadaku oleh Tuhanku. Dengan sebab itu aku meninggalkan ugama kaum yang tidak beriman kepada Allah serta tidak pula percayakan hari akhirat. (Quran, Surah Yusuf (12): 36-37)

Demikian juga Hadis Nabi s.a.w. turut menyinggung tentang mimpi dengan sebutan yang amat baik: Mimpi yang baik daripada Allah dan mimpi yang buruk daripada syaitan (Hadis, Muslim bin Hajjaj, Sahih Muslim). Begitu juga sabda baginda s.a.w.: Apabila masa semakin dekat, seakan tidak mungkin mimpi seorang Islam itu suatu penipuan. Orang yang paling benar mimpinya dalam kalangan kamu adalah orang yang paling benar perkataannya dalam kalangan kamu. Mimpi seorang Islam adalah satu jujuk daripada empat puluh lima jujuk kenabian (Hadis, Muslim bin Hajjaj, Sahih Muslim).

Sumber Ilmu Dalam Pengamalan Tasawuf

Dilihat dalam amalan ulama tasawuf, mimpi merupakan antara sumber yang digunapakai dalam pelbagai aspek termasuk pengubatan. Al-Subki menyatakan bahawa suatu ketika, anak lelaki Imam al-Qushayri telah demam. Al-Qushayri merasa amat risau hinggalah beliau bermimpi berjumpa dengan Allah Taala di dalam tidurnya dan mengadu kepadaNya. Di dalam mimpi, diilhamkan kepada beliau supaya membaca ayat-ayat *shifa* ke atas anaknya dan menulis ayat-ayat tersebut di dalam bekas dan dituangkan minuman ke dalamnya dan diberi minum. Maka dengan izin Allah sembuhlah demam anaknya (Al-Subki, t.t., j. 3, h. 246).

Mimpi juga menjadi sumber untuk mendapatkan maklumat daripada alam ghaib bagi sebahagian ulama. Diriwayatkan bahawa Abu Turab al-Maraghi telah bermimpi berjumpa dengan al-Qushayri selepas kematian beliau. Al-Qushayri telah berkata kepada beliau: “Aku dalam keadaan kehidupan yang paling baik dan sesempurna kerehatan.” (Al-Subki, t.t., j. 3, h. 247).

Tidak dapat dinafikan, kedapatan sebahagian sarjana yang menolak penggunaan mimpi sebagai sebahagian sumber dalam Islam (Dr. Jahit bin Sideq, 2013, h. 5-6.). Penolakan para sarjana terhadap mimpi dilihat berasaskan kepada beberapa hujah:

- Kaedah *sad al-dhara'i*. Ia bertujuan bagi menolak keburukan yang terhasil daripada mimpi yang dimanipulasi oleh jin dan syaitan.
- Semua orang boleh mendakwa mempunyai mimpi masing-masing. Justeru, sebagaimana ilham, mimpi juga boleh dimanipulasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.
- Ilmu berasaskan mimpi tidak mempunyai keberkatan kerana diambil tanpa mempunyai sanad yang jelas (Dato Ismail bin Kamus, temuramah, 10 November 2013).

Walaupun kaedah *sad al-dhara'i* merupakan kaedah yang diterima pakai oleh para ulama Islam, namun begitu untuk menghalang sepenuhnya pemanfaatan daripada sumber ini adalah suatu yang melampaui batasan wahyu. Sememangnya dakwaan mimpi oleh mana-mana individu bukan merupakan suatu hujah kerana tidak semua mimpi boleh diterima sebagaimana yang diberitakan oleh Rasulullah s.a.w. Begitu juga ia bukan merupakan sumber hukum dalam Islam.

Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa mimpi merupakan perkara yang diperakui kewujudannya dan ia boleh diterima sebagai sandaran dalam pengamalan tasawuf. Namun begitu mimpi perlu ditolak apabila bertentangan dengan syariat dan mimpi tidak wajar dijadikan sebagai sumber hukum.

VI. SHATAHAT

Dari sudut bahasa shatahat berasal daripada bahasa Arab شَطْحٌ يَشْطَحُ yang bermaksud gerakan (Qasim Muhammad ‘Abbas, 2004, h. 15). Dalam konteks hubungannya dengan istilah tasawuf ia membawa erti sesuatu yang menggerakkan lidah sufi untuk mengungkapkan beberapa kalimah. Ia lebih menepati pengertian “latahan”. Sebahagian pengkaji menggunakan istilah mufaraqat ilhamiyah (مفارقات الهامية) dan al-‘ibarat al-ittisal al-ilahi (العبارات الاتصال الالاهي) (Qasim Muhammad ‘Abbas, 2004, h. 17) dan al-la ma’qul (اللا معقول) (Muhammad al-‘Abdah, 1993, h. 80).

Dari sudut istilah terdapat beberapa pengertian yang dikemukakan oleh para ulama:

- “Kata-kata yang diterjemahkan oleh lidah tentang *wujd* (perasaan) yang melimpah daripada bekasnya dengan disertai dakwaan.” (Qasim Muhammad ‘Abbas, 2004, h. 15).
- “lafaz-lafaz yang dilafazkan oleh sufi dalam keadaan *wujd* kesufian yang terpisah daripada alam deria (الحسي), berhubung dengan alam pencerahan kerohanian dan limpahan yang berdiri atas rasa rindu dalam mengasihi Allah hingga kepada batasan yang menghilangkan kemampuan untuk menentukan makna lafaz-lafaz yang dikira sebagai *shatahat*. (Khalil Ibrahim Jasim, et. al., 2009, h. 23).
- “ungkapan tentang kalimah yang mempunyai unsur-unsur kebodohan (رعونة) dan dakwaan yang mana ia adalah amat jarang terjadi bagi golongan muhaqqiqin” (Qasim Muhammad ‘Abbas, 2004, h. 15).
- Al-Sarraj menerangkan di dalam *al-Luma’* sebagai “ungkapan yang pelik dalam menyifatkan *wujd* yang melimpah dengan kuat dan membuak-buak dengan tekanan mengelegak yang amat sangat.” (Qasim Muhammad ‘Abbas, 2004, h. 15).
- Dr Badwi (t.t., h. 10) merumuskan pengertian *shatahat* sebagai “ungkapan terhadap perasaan jiwa ketika ia pertama kali berada pada hadrat ketuhanan”

Qasim Muhammad ‘Abbas merumuskan bahawa pengertian *shatahat* terbina atas beberapa asas:

- Ia merupakan dakwaan
- Ianya adalah pelik
- Ia adalah kompleks, kabur dan kekeliruan (*ghumud*) (Qasim Muhammad ‘Abbas, 2004, h. 16).

- d. Ia mempunyai hubungan dengan *al-wajd*, *al-ittihad* dan *al-sukr*. (Qasim Muhammad ‘Abbas, 2004, h. 20).

Unsur-unsur utama bagi fenomena *shatahat* pada pandangan Dr. Badwi (t.t., h. 11) adalah:

- Wajd* yang bersangatan.
- Pengalaman berbentuk *al-ittihad*.
- Sufi berada dalam keadaan *sukr*.
- Sufi mendengar dalam dirinya bisikan ketuhanan yang mengajak kepada *al-ittihad*.
- Semuanya berlaku dalam keadaan sufi tidak sedar.

Dapat dirumuskan bahawa *shatahat* ialah ungkapan mengelirukan terlafaz tanpa kawalan kesan daripada gelombang perasaan hati.

Dilihat dari sudut sejarah, ungkapan *shatahat* dimulai dengan ungkapan-ungkapan yang menyerupai *shatahat* dan tidak sepenuhnya dikategorikan sebagai *shatahat*. Ianya merupakan ungkapan-ungkapan yang menimbulkan persoalan yang tidak mencapai tahap kritikal sepertimana ungkapan sebenar. Ungkapan ini antara lain dilafazkan oleh Rabi‘ah al-‘Adawiyyah dan Ibrahim al-Adham. Kemudian ungkapan *shatahat* menjadi lebih jelas dalam ungkapan Abi Yazid al-Bustami. Berikutnya ungkapan-ungkapan tersebut diungkapkan dengan lebih mendalam oleh al-Hallaj dan disokong oleh al-Shibli. (Badwi, t.t., h. 10). Hasil daripada ungkapan-ungkapan tersebut, lahirnya istilah-istilah yang digunapakai dalam kalangan tasawuf. Abi Yazid melalui pengalaman *shatahat* beliau melahirkan istilah *al-sukr* dan *fana*. Konsep ini seterusnya turut diterima oleh ahli tasawuf lain seperti Husayn b. Mansur al-Hallaj (m. 309H./929M.), Dhu al-Nun al-Misri (m. 245H./865M.), Abu Bakr al-Syibli (Che Zarrina Sa’ari, 2001, h. 13) dan Abi Sa’id al-Kharraz (w. 277) (Al-Dayf, Shawqi, t.t., h. 111).

Terdapat dua pandangan dalam menetapkan hukum *shatahat*:

- Ianya adalah harus (Badwi, t.t., h. 10).
 - Keharusannya berasaskan kepada ianya adalah hakikat.
 - Ungkapan *shatahat* hanyalah pemberitahuan sepertimana pembaca al-Quran membaca ayat al-Quran yang mengungkapkan kata-kata Allah yang mengungkapkan tentang diriNya:

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَأَعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

Surah Taha: 14

- Shatahat* lebih merupakan istilah yang perlu difahami sebagaimana yang dikehendaki oleh orang yang melafazkannya. Al-Syirbini menyatakan:

غَيْرَهُ اللَّفْظُ الْمُصْطَلَحُ عَلَيْهِ حَقِيقَةٌ فِي مَعْنَاهُ الْإِصْطِلَاحِيِّ مَجَازًا فِي

Lafaz yang diistilahkan ia adalah merupakan pengertian hakiki atas makna yang diistilahkan dan kiasan pada lainnya (Al-Shirbini, t.t., j. 16, h. 306).

- Ianya tidak dibolehkan.
 - Ia dianggap sebagai penyebaran rahsia ketuhanan yang disebarkan tanpa keizinan ketuhanan (Al-Jurjani, 1938, h. 112).

عن أبي هريرة قال حفظت من رسول الله صلى الله عليه وسلم وعاءين فأما أحدهما فبثنته وأما الآخر فلو بثنته قطع هذا البلعوم

Daripada Abi Hurairah r.a. beliau berkata: Aku menyimpan daripada Rasulullah s.a.w. dua bekas. Ada pun salah satunya aku sebarkan manakala yang selebihnya, sekiranya aku sebarkan nescaya dipotong halkum ini (Hadis, Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*)

- Ianya dikaitkan dengan konsep *ittihad* (Badwi, t.t., h. 24) yang tidak diterima dalam pengamalan majoriti umat Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa *shatahat* pada gambaran zahirnya mempunyai kecenderongan menyanggahi asas tauhid dan hukum syariat islam (Khalil Ibrahim Jasim, et. al., 2009, h. 23).
- Bahayanya amat besar dengan mengelirukan umat Islam. Ianya jelas bertentangan dengan athar daripada Ibn Mas'ud:

ما أنت بمحدث قوما حديثا لا تبلغه عقولهم إلا كان لبعضهم فتنة

Tiadalah kamu ungkapkan kepada suatau kaum sesuatu yang tidak dicapai oleh pemikiran mereka melainkan ia merupakan fitnah kepada sebahagian mereka (Hadis, Muslim, *Sahih Muslim*).

- Walaupun ianya berlaku tanpa disengajakan namun ianya tidak wajar dibiarkan tanpa kawalan seperti kawalan tempat dan lain-lain.

Kaedah yang terbaik dalam mendepani permasalahan *shatahat* adalah sebagaimana yang telah diambil oleh majoriti golongan tasawuf dalam kurun-kurun kebelakang iaitu tidak mengingkari fenomena *shatahat* dan

Sumber Ilmu Dalam Pengamalan Tasawuf

tidak mengeji ungkapan-ungkapan ini (Badwi, t.t., h. 23). Tidak dapat dinafikan bahawa *shatahat* telah menimbulkan polemik yang parah dalam kalangan umat Islam apabila ia dituruti (Muhammad 'Aqil bin 'Ali, t.t., h. 86-87). Sehubungan dengan itu perkara berikut adalah menyalahi ajaran Islam:

- a. *Shatahat* disebar dalam kalangan pengikut dan orang ramai.
- b. *Shatahat* dijadikan sumber dalam pengamalan tarekat.

VII. KESIMPULAN

Pengamalan tasawuf dalam Islam didasari oleh sumber-sumber ilmu sepertimana amalan-amalan lain dalam Islam. Sumber ilmu dalam pengamalan tasawuf dapat dikategorikan kepada dua bahagian iaitu sumber bebas dan sumber terikat. Sumber bebas merupakan sumber yang berdiri sendiri yang menjadi sumber asasi dalam pengamalan tasawuf iaitu Quran dan Hadis. Manakala sumber terikat merupakan sumber yang perlu dikawal dan dipandu oleh sumber bebas iaitu ilham, kashaf, mimpi dan shatahat. Sumber-sumber ini walau pun menjadi sebahagian daripada inspirasi dalam pengamalan tasawuf, namun ia perlu dinilai dengan neraca Quran dan Hadis. Dapat juga disimpulkan bahawa pengamalan tasawuf telah mengeneipkan satu sumber utama dalam disiplin ilmu Islam iaitu penggunaan akal dengan menggantikannya dengan sumber-sumber yang berasaskan kepada jiwa, rohani dan wujudan.

PENGHARGAAN

RUJUKAN

- [1] Karl Raimund Popper (1961), *On The Sources Of Knowledge And Ignorance*, daripada <http://www.properitarianism.com/other-authors-works/on-the-sources-of-knowledge-and-of-ignorance/>
- [2] Robert Audi, The Sources of Knowledge in Paul K. Moser (2002) *The Oxford Handbook of Epistemology*, Oxford Scholarship Online
- [3] Al-Sabban (1938), *Hashiyah 'ala Sharh al-Sullam li al-Mallawi*, T.T.P.: Matba'ah Mustafa al-Babi.
- [4] Al-Mahjubi Hisaham, <http://www.alukah.net/sharia/0/62562/> pada 29 Jun 2015.
- [5] 'Abd al-Karim Zaydan (1982), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Maktabah al-Risalah.
- [6] Ibn Ajibah (t.t.), *Iqaz al-Himam fi Sharh al-Hikam*, Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- [7] Malik bin Anas (1997), *Muwatta*, al-Maktabah al-Shamilah.
- [8] Temubual bersama Tuan Haji Mohd Isa bin Yahaya pada 27 Oktober 2015, jam 2.00 – 4.00 petang di rumah kediaman beliau Kg Gerik, Gerik Perak.
- [9] Ibn Manzur, Jamal al-Din (1990), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Sadir.
- [10] Al-Asfahani, al-Raghib (1997), *Mufradat Alfaz al-Qur'an*, c.2, Beirut: Dar al-Qalam.
- [11] Noresah bt. Bahrom, *et. al.*, (2007) *Kamus Dewan*, ed. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [12] Al-Fakhr al-Razi (t.t.) *Tafsir al-Fakhr al-Razi*, al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- [13] Muslim bin Hajjaj, *Sahih Muslim*, al-Maktabah al-Shamilah 3.28.
- [14] Al-Qushayri (t.t.), *al-Risalah al-Qushayriyyah*, Kaherah: Matba'ah al-Hassan.
- [15] Tuan Haji Mohd Isa bin Yahaya, temubual, 27 Oktober 2015, jam 2.00 – 4.00 petang di rumah kediaman beliau Kg Gerik, Gerik Perak.
- [16] Ustaz Adnan bin Muhammad Saman, temubual 17 Disember 2015, jam 3.40 ptg di rumah beliau, Kamunting, Perak.
- [17] H. Syihabuddin Suhrowardi, (1971), *Bidayatussalikhin (Belajar Ma'rifat kepada Allah)*, T.T.P.: T.P.
- [18] Tajul 'Ariffin, (2014), *Uqudul Jumaan*, Suryalaya: Pt. Mudawwamah Warohman.

- [19] Basri bin Ibrahim *et. al.* (2013), *Beberapa Kepercayaan dan Amalan Kontroversi dalam Masyarakat Islam*, Selangor: al-Hidayah HoPSB.
- [20] <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kasyaf>. Diakses pada 27 Disember 2015.
- [21] Al-Jurjani, 'Abd al-Qahir bin 'Abd al-Rahman (1938), *al-Ta'rifat*, Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- [22] Al-Subki, 'Abd al-Wahhab bin 'Ali (t.t.), *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra*, 14 j., T.T.P: T.P.
- [23] Dr. Jahit bin Sideq, (2013), *Permurnian Parameter Perawatan Alternatif: Suatu Analisa Terhadap Parameter Syarak*.
- [24] Temubual bersama Dato Ismail bin Kamus, Penasihat Persatuan Perubatan Islam Darussalam, 10 November 2013 jam 3.45 petang – 4.20 petang, Persatuan Perubatan Islam Darussalam, Gombak Setia, Kuala Lumpur.
- [25] Qasim Muhammad 'Abbas (ed.), (2004), *Abu Yazid al-Bustami*, Dimashq: Dar al-Mada, 15.
- [26] Muhammad al-'Abdah, *et. al.*, (1993), *al-Sufiyyah Nashatuha wa Tatawwuriha*, Birmingham: Dar al-Arqam, h. 80.
- [27] 'Abd al-Rahman Badwi (t.t.) *Shatahat al-Sufiyyah*, Kaherah: Wikalah al-Matbu'at.
- [28] Al-Dayf, Shawqi(t.t.), *Tarikh al-Adab al-'Arabi- 'Asr al-'Abbasi al-Thani*, Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- [29] Al-Shirbini, *al-Mughni al-Muhtaj*, Maktabah Shamilah 3.28.
- [30] Che Zarrina Sa'ari (2001), *Tasawuf: Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Kini*.
- [31] Khalil Ibrahim Jasim, *et. al.*, 2009, *Abu Bakar al-Shibli: Dirasah fi Usul Tasawwufih*, Adab al-Rafidin, bil. 53.
- [32] Muhammad 'Aqil bin 'Ali (t.t.) *Dirasat fi al-Turuq al-Sufiyyah*, c. 2, Kaherah: Dar al-Hadith.